

## **PEMIKIRAN AKIDAH ABDUL SHUKOR HUSIN**

*Kamarudin Salleh & Liyana Mustafa*

### **PENGENALAN**

Abdul Shukor Husin merupakan salah seorang sarjana, ulama dan ahli akademik Malaysia yang berwibawa terutamanya dalam bidang kepakaran beliau iaitu akidah Islam. Beliau mendapat pengiktirafan oleh pelbagai pihak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Abdul Shukor Husin merupakan ahli akademik yang sangat berjasa dalam bidang keilmuan dan pentadbiran serta menyumbangkan begitu banyak kepakaran dalam pelbagai disiplin khususnya akidah. (Muhammad Haji Alias, Zulkiple, Syahirah, Sapora Sipon & Hariza 2012:15).

Kertas kerja ringkas ini berusaha memperkenalkan dan membentangkan sedikit sebanyak biografi tokoh penting ini dan diikuti dengan perbincangan pemikiran akidah tokoh yang dikemukakan. Dalam konteks Malaysia tokoh yang dibicarakan ini juga banyak bergelumbang dengan perkembangan dan perbincangan pemikiran akidah Islam dan banyak berusaha menjadi “problem solver” kepada pertikaian yang berlaku.

### **BIOGRAFI RINGKAS**

Abdul Shukor dilahirkan pada tanggal 10 April 1942 di Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang. Bapa beliau dikenali sebagai Haji Husin bin Said manakala ibu beliau bernama Mariam binti Haji Taha. Haji Husin merupakan seorang guru agama kampung dan Hajah Mariam pula ialah seorang suri rumah tangga. Haji Husin adalah juga seorang ahli perniagaan kecil-kecilan di kampungnya dan pernah pergi ke luar negara termasuk Makkah (Abdul Shukor 2018). Abdul Shukor mempunyai seorang isteri yang bernama Ramah Haji Abdul Manan, iaitu seorang anak kelahiran Singapura. Hasil perkahwinan dengan Puan Sri Datin Hajah Ramah, mereka dikurniakan empat cahaya mata dan kesemuanya adalah perempuan. Nama-nama yang diberikan kepada keempat-empat puteri beliau ialah Syahirah, Syaimak, Syadiyah dan Syadwa.

Amat banyak dan berbagai-bagai jawatan dan penglibatan Abdul Shukor secara langsung atau tidak; antaranya Naib Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia sebagai wakil daripada Malaysia pada tahun 2004 sehingga sekarang, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) bermula pada tahun 2005 dan baru tamat, Ahli Lembaga Tabung Haji pada tahun 2005 sehingga kini, Ahli Lembaga International Shariah

Research for Islamic Finance (ISRA), Bank Negara Malaysia 2008 sehingga 2011; Ahli Lembaga Pengarah Universiti Islam Antarabangsa Madinah (2010 sehingga sekarang; Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI), Jabatan Perdana Menteri 2005 sehingga sekarang; Pengerusi Lajnah Tashih (Lembaga Semakan Pakar), Tafsir Pedoman Muttaqin Terbitan JAKIM 2007 sehingga sekarang; Pengerusi Panel Syariah Kumpulan Silver Bird Berhad 2008 sehingga 2011 (Abdul Shukor 2018). Abdul Shukor merupakan Ahli Lembaga Pengurus Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) 1995 sehingga sekarang; Ahli Lembaga Penasihat Syariah KFC bermula pada tahun 1987 sehingga 1991; Ahli Jawatankuasa Petugas Khas Kolej Islam Darul Ridzuan pada tahun 2004; Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) 1995 sehingga sekarang; Ahli Lembaga Akademik Kolej Islam Selangor sehingga 1999, Ahli Jawatankuasa Saham Wakaf Negeri Pahang pada tahun 1998.

Seterusnya, Abdul Shukor juga pernah memikul amanah sebagai Pengerusi Panel Akidah, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri sehingga 1988; Ahli Jawatankuasa Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah sehingga 1998; Pengerusi Jawatankuasa Struktur Kurikulum Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam bermula pada tahun 1985 sehingga 1986; Ahli Lembaga Penasihat Pendidikan Islam (LEPAI) Jabatan Perdana Menteri sehingga 1998; Ahli Jumaah Pengelola Kuliah Sultan Abu Bakar Pekan Pahang sehingga sekarang; Ahli Jawatankuasa Pendidikan Islam Majlis Ugama Islam Negeri Pahang sehingga sekarang; Pengerusi Jawatankuasa Terjemahan Hadith Sohih al-Bukhari, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri sehingga 2000; Ahli Jawatankuasa Penilaian Semula Kertas Syariah dan Usuluddin (STPM) Majlis Peperiksaan Malaysia bermula pada tahun 1989 sehingga tahun 1990; Pengerusi Jawatankuasa Istilah Islam Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur bermula tahun 1986 sehingga tahun 1992 (Abdul Shukor 2018). Selain itu, Abdul Shukor juga telah diamanahkan untuk memegang jawatan sebagai Pengerusi Panel Syariah Lembaga Tabung Haji 2010 sehingga sekarang; Ahli Lembaga Penasihat Pensijilan Halal Malaysia, JAKIM; Ahli Badan Perunding Islam Jabatan Perdana Menteri 2007 sehingga sekarang; Ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Pahang 1989 sehingga sekarang; Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang 1989 sehingga sekarang; Pengerusi Panel Kajian Sosial Umat Islam Malaysia, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri sehingga 1998; Ahli Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sastera dan Sains Kemasyarakatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kuala Lumpur, sehingga tahun 1988 (Abdul Shukor 2018).

Setelah Abdul Shukor berjaya memegang ijazah sarjana dalam bidang Aqidah dan Falsafah Islam pada tahun 1973, beliau pulang ke Malaysia. Pada tahun 1974, Abdul Shukor bekerja sebagai guru sementara di Sekolah Menengah Tinggi Agama Pekan selama tujuh bulan sahaja. Beliau kemudiannya diberi tanggungjawab untuk memikul amanah sebagai penolong pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beberapa tahun berkhidmat sebagai penolong pensyarah, Abdul Shukor seterusnya dilantik sebagai pensyarah di fakulti tersebut bermula pada tahun 1977. Pada tahun 1980, Abdul Shukor selaku pensyarah biasa telah dinaikkan pangkat yang lebih tinggi, iaitu sebagai profesor madya dan Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah (Abdul Shukor 2018).

Sebelum memulakan jawatan sebagai Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah di Fakulti Pengajian Islam, Abdul Shukor berkhidmat sebagai Pemangku Ketua Jabatan tersebut pada tahun 1976 dan 1977. Atas faktor kecemerlangan dalam menjalankan tugas serta kesungguhan yang ditonjolkan, beliau kemudiannya diberi kepercayaan dalam dunia kepimpinan akademi iaitu menjadi Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah pada tahun 1980 sehingga 1981. Pelbagai arus dan cabaran yang perlu ditempuhi beliau sepanjang tempoh perkhidmatan tersebut. Bukti kecemerlangan Abdul Shukor menerajui kepimpinan dalam dunia akademik tidak terhenti di situ kerana beliau sekali lagi dilantik memegang jawatan Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985 sehingga 1987. Pada tahun 1992, beliau menjawat jawatan Dekan Fakulti buat kali kedua sehingga 31 Mei 1998. Hal ini cukup membuktikan bahawa pencapaian yang digapai oleh Abdul Shukor sangat membanggakan pihak Fakulti Pengajian Islam UKM ketika itu (Abdul Shukor 2018). Pada tahun 1993, Abdul Shukor mendapat pengiktirafan selaku Profesor yang sangat diimpikan oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang akademi di sesebuah institusi. Untuk sampai ke tahap itu, beliau tidak pernah mengenal erti lelah untuk Berjaya kerana usaha yang dilakukan beliau cukup terserlah (Abdul Shukor 2018).

Pada tahun 1993, Abdul Shukor mendapat gelaran Dato' sewaktu majlis penganugerahan pingat Diraja Mahkota Pahang (DIMP). Dua tahun selepas mendapat pengiktirafan sebagai Dato', iaitu pada tahun 1995 pula, Abdul Shukor kemudiannya mendapat pingat Johan Setia Mahkota (JSM) daripada Yang di-Pertuan Agong. Pengiktirafan kepada Abdul Shukor tidak terhenti di situ sahaja kerana beliau dianugerahkan Darjah DSNS dan memperoleh gelaran Dato' oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 2006. Pada bulan Jun tahun 2010, Abdul Shukor menerima anugerah Darjah Kebesaran

Panglima Setia Mahkota (P.S.M) daripada Yang Di-Pertuan Agong sewaktu Majlis Sambutan Hari Keputeraan SPB Yang DiPertuan Agong sehingga beliau digelar dengan gelaran Tan Sri (Abdul Shukor 2018). Di samping itu, Abdul Shukor bukan sahaja menerima pengiktirafan dalam bidang pendidikan dan anugerah mahkota sahaja, malah pengiktirafan beliau turut diakui oleh pihak yang menceburi bidang keagamaan. Pada tanggal 27 November 2011, Abdul Shukor dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sewaktu Majlis Sambutan Maal Hijrah 1433H/2011. Semasa majlis tersebut berlangsung, anugerah disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIII, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj. Anugerah Tokoh Maal Hijrah dikurniakan kepada Abdul Shukor atas jasa dan pengorbanan yang tidak terkira beliau dalam mempertahankan syiar Islam yang benar. Selain Abdul Shukor, terdapat juga seorang lagi yang dinobatkan sebagai tokoh Maal Hijrah tetapi pada peringkat antarabangsa iaitu Menteri Haji Arab Saudi Dr Fouad Abdul Salam. Selain daripada mendapat anugerah sebagai tokoh, Abdul Shukor juga diberikan sejumlah wang tunai, cenderahati, pingat dan sijil (Abdul Shukor 2018).

Antara jasanya yang besar ialah menjadi pengasas kepada penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sekarang. Atas pengesyoran beliau Universiti Islam milik Kerajaan Malaysia ditubuhkan. Sewaktu Abdul Shukor bertugas sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau menyerahkan kertas kerja sebanyak tiga halaman iaitu sebagai cadangan kepada Yang Berusaha Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak ke arah penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ketika Abdul Shukor menyerahkan kertas cadangan tersebut, Yang Berusaha Dato' Seri Mohd Najib merupakan Menteri Pendidikan Malaysia sewaktu itu (Abdul Shukor 2018).

Abdul Shukor berpeluang menyerahkan kertas cadangan setelah selesainya perasmian bagi pembukaan Seminar Usuluddin Peringkat Antarabangsa oleh Yang Berusaha Dato' Seri Mohd Najib. Seminar ini diadakan bawah anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuan utama kertas cadangan ini diserahkan adalah untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam milik kerajaan. Antara tujuan penting lainnya yang digariskan dalam kertas cadangan tersebut termasuklah “meningkatkan kualiti pendidikan Islam dan membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara, menyahut hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik termasuk pengajian Islam, dan mengurangkan penghantaran pelajar dan pengaliran pertukaran asing

ke luar negara” (Abdul Shukor 2018). Cadangan yang diberikan oleh Abdul Shukor adalah berdasarkan pemerhatian dan penelitian sebenar beliau terhadap keadaan semasa pendidikan dan pengajian Islam di Malaysia. Berdasarkan pemerhatian tersebut, maka muncullah idea beliau untuk mengesyorkan kerajaan agar membuka peluang yang lebih luas kepada para pelajar sekolah aliran agama pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi di dalam negara serta mengurangkan pertukaran asing ke luar negara. Semua ini dapat direalisasikan menerusi penubuhan Universiti Islam milik Kerajaan Malaysia. Oleh itu, peluang pengajian bagi pelajar sekolah agama tidak terbatas kepada bidang agama sahaja apabila mereka menjejakkan kaki ke alam universiti.

Selain itu, Abdul Shukor berpendapat perlunya penubuhan Universiti Islam milik Kerajaan kerana kecelaruan pemikiran masyarakat dalam memahami apa itu pendidikan Islam. Mereka menganggap pendidikan Islam itu hanya merujuk kepada Syariah, Fiqh, Usuluddin dan sebagainya. Namun begitu, pendidikan Islam yang sebenarnya tidak hanya tertumpu kepada ilmu sebegini sahaja malah terangkum juga dalam ilmu yang mencakupi pelbagai bidang. Menurut beliau, pemahaman masyarakat tentang pendidikan Islam yang hanya terhad kepada bidang agama sahaja sudah lama dipegang walaupun rakyat Malaysia sudah mencapai kemerdekaan negara semenjak 50 tahun yang lepas. Berdasarkan wawancara Abdul Shukor dalam Prospect Malaysia Issue, beliau berkata, “Masyarakat cepat untuk melabel sesuatu sebagai Islamik dan yang lain tidak Islamik”. Oleh itu, anjakan paradigma semula perlu untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan Islam atau dikenali sebagai Islamic Studies, iaitu dengan tertubuhnya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Abdul Shukor 2018).

Dalam merangka dan menyediakan kertas cadangan penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Abdul Shukor memilih untuk membentuk jawatankuasa serta menjadi pengerusi yang akan mengetuai ahli jawatankuasa yang lain. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh Abdul Shukor untuk menyediakan program akademik yang terbaik bagi USIM (Abdul Shukor 2018). Cadangan Abdul Shukor untuk menubuhkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendapat sambutan dan sokongan daripada Yang Amat Berusaha Perdana Menteri sewaktu itu, iaitu YAB Tun Dr. Mahathir. Hal yang demikian kerana YAB Tun Dr. Mahathir cukup bersetuju dengan sistem universiti tersebut yang memberi penekanan kepada penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta penumpuan juga diberikan kepada bahasa Melayu (Abdul Shukor 2018). Antara sebab lain yang membawa kepada penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ialah atas dasar falsafah USIM itu sendiri iaitu

“paduan antara ilmu naqli dan aqli yang disertakan dengan budi pekerti yang mulia”. Falsafah ini mampu membawa kepada perkembangan generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Hal ini jelas terbukti adanya kelainan antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang terdapat di Malaysia sehinggakan YAB Tun Dr. Mahathir sendiri mengakuinya dan meluluskan akan penubuhannya pada tahun 1997 (Abdul Shukor 2018).

Akhir sekali disenaraikan secara umum antara karya dan buku-buku yang ditulis Abdul Shukor termasuklah:

- “Al-Quran Sumber Tasawwuf” (Terjemahan) RUHANIYAT, Pusat Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Mac 1991).
- “Kritik-Kritik Ulama Fiqah Terhadap Aliran Tasawwuf” (Terjemahan) RUHANIYAT, Pusat Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Disember 1990).
- “Pengertian Tajdid dalam Islam”, UMMAH (November 1991) 4.
- “Matlamat Pemikiran Muhammad Abduh”, UMMAH (Mac 1992).
- “Kemunduran Umat Islam (Menurut Muhammad Abduh)”, UMMAH (Mei 1992).
- “Wahyu Membimbing Akal”, AL-MAUIZAH, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1986).
- “Wahyu Menurut al-Quran”, AL-MAUIZAH, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1986).
- “Manhaj al-Mutakkallimin Wa al-Falasifah al-Muslimin Fi al-Istidlal ala al-Aqidah”, ISLAMIYYAT jld.8, Universiti Kebangsaan Malaysia (1988).
- “Peranan Intelak dan Skopnya”, ASPIRASI, Persatuan Mahasiswa, Universiti Kebangsaan Malaysia (1989).
- “Ilmu Syariah Zahir dan Batin”, RUHANIYAT, Pusat Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Disember 1990).
- “al-Nubuwwah Baina al-Aqli wa al-Naqli”. Bangi: Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia (1984).
- “Tajdid dan Reformasi Islam” Menurut Perspektif Mohammad Abduh (terjemahan) penerbit al-Rahmaniah (1987).
- “Tamadun Islam dan Ideologi-Ideologi Masa Kini” (Bersama) pada tahun 1986.
- 14. Kamus Istilah Islam (Usuluddin dan Falsafah Islam)”, (Bersama) Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka (1992).
- 15. “Manusia dari Mana ke Mana” pada tahun 1985.
- 16. Syarahan Perdana Profesor 1988 di UKM, Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula, Penerbit UKM.

### **PEMIKIRAN AKIDAH ABDUL SHUKOR HUSIN**

Tulisan ini berusaha untuk mengambil beberapa isu dan perbincangan yang dikemukakan oleh tokoh dalam wawancara atau temubual yang telah dilakukan, pengkaji mendapati Abdul Shukor sangat memberi penekanan kepada pengajian akidah Ahlu Sunnah Waljamaah yang merangkumi manhaj Salaf dan Khalaf, tokoh-tokoh yang mempertahankan Akidah dan faktor permasalahan yang melahirkan pelbagai pemikiran ulama dalam permasalahan Akidah.

Mengenai pengajian Ahlu Sunnah Waljamaah di dalam karya beliau, Abdul Shukor memperkenalkan siapa yang dimaksudkan Ahlu Sunnah Waljamaah. Selain itu, beliau membahagikan pandangan para penulis mengenai definisi/istilah Salaf kepada dua pembahagian iaitu Salaf manhaji dan Salaf zamani. Salaf manhaji ditakrifkan berdasarkan kepada pendekatan yang digunakan oleh golongan ulama Ahlu Sunnah Waljamaah manakala Salaf zamani ditakrifkan berdasarkan zaman Salaf. Menurut beliau, kewujudan istilah Salaf dan Khalaf adalah disebabkan sikap mereka dalam mentafsir dan memahami ayat-ayat mutasyabihat.

Hasil daripada pembacaan karya-karya Akidah Abdul Shukor juga, pengkaji mendapati beliau turut membicarakan isu kenabian dan kerasulan. Pelbagai isu yang melibatkan kenabian dan kerasulan disentuh seperti pengithbatan dan sifat para nabi, hal-hal berkaitan wahyu, pandangan Ahli Kalam dan Ahli Falsafah mengenai kenabian. Dalam kajian ini, dijelaskan pemikiran beliau berkaitan definisi kenabian dan hukum beriman kepadanya. Abdul Shukor menjelaskan pandangan ini di dalam karya beliau, iaitu *An-Nubuwwah Baina Al-Aql Wa Al-Naql* dan *An-Nubuwwah Baina Al-Mutakallimin Wa Al-Falasifah*. Menurut Abdul Shukor, nabi dan rasul adalah sama sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadith. Apa yang membezakan mereka hanyalah dari sudut kelebihan/keistimewaan dan ketinggian darjat. Terdapat beberapa faktor dinyatakan Abdul Shukor tentang penganugerahan keistimewaan dan ketinggian darjat.

Seterusnya, pengkaji juga menemubual tokoh mengenai cara untuk mengatasi perselisihan pandangan antara kelompok Wahabi dengan Ahlu Sunnah Waljamaah di Malaysia. Abdul Shukor berpendapat perpaduan dari sudut pemikiran adalah jalan yang terbaik untuk mengharmonikan pandangan antara dua kelompok ini. Beliau mengatakan perselisihan pemikiran kelompok Wahabi di Malaysia lebih cenderung kepada Syariah kerana mereka masih beriman dan mempercayai Tuhan Yang Esa dari sudut Akidah. Penerimaan kelompok Wahabi dari luar negara perlulah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kekuatan umat Islam, bukan untuk menerima

fahaman mereka. Selain itu, Abdul Shukor turut menjelaskan faktor berlakunya kecelaruan pemikiran sebegini, iaitu disebabkan sifat keegoan. Selain itu, pengkaji turut menemubual cara mengatasi kurangnya penghayatan ilmu dalam kalangan pelajar Akidah. Abdul Shukor menjelaskan lima cara untuk mengatasi permasalahan ini, iaitu melibatkan pelajar, tenaga pengajar dan sistem pembelajaran.

### **AHLI SALAF DAN KHALAF DALAM AHLU SUNNAH WALJAMAAH**

Definisi golongan ini, menurut Abdul Shukor, bilangan bagi mereka yang berpegang kepada al-Sunnah cukup ramai. Ahlu Sunnah bermaksud golongan yang berpegang kepada al-Sunnah. Golongan yang berpegang kepada al-Sunnah bukanlah satu bilangan yang kecil, kerana adanya “al-jama’ah”. Menurut bangsa Arab, “al-jama’ah” bermaksud sawadul a’zam iaitu “majoriti”. Jika kita perhatikan, Ahlu Sunnah majoritinya sampai sekarang masih lagi berpegang kepada ahli Sunnah (Abdul Shukor 2018). Kata Abdul Shukor:

“Kalau kita lihat Ahlu Sunnah, maknanya ....golongan yang berpegang kepada al-Sunnah. Dan golongan yang berpegang kepada al-Sunnah ini bukannya satu bilangan yang kecil, iaitu “jama’ah”. “jama’ah” ertinya... orang arab kata: “sawadul a’zam”/ majoriti. Dan kita lihat Ahlu sunnah majoritinya sampai sekarang masih lagi berpegang kepada ahli Sunnah.”

Abdul Shukor di dalam karya beliau mengatakan bahawa tarikh kehadiran Ahlu Sunnah Waljamaah dan tokoh pertama yang memperkenalkannya tidak diketahui secara tepat. Tambah beliau lagi, kemunculannya bukan bermotifkan politik sebagaimana yang terjadi kepada aliran Khawarij dan Syi’ah, di mana kedua-dua aliran ini merupakan aliran yang muncul paling awal dalam sejarah umat Islam. Ahlu Sunnah waljamaah juga berbeza dengan aliran Islamiah yang lain seperti Asya’irah, Qadariah, Jabariah, Muktazilah dan Matūridiah kerana kesemua aliran ini muncul disebabkan perbezaan fahaman dalam mentafsir prinsip Akidah Islam (Abdul Shukor 2000: 14). Abdul Shukor mengambil pandangan daripada al-Baghdadi dalam menghuraikan siapa Ahlu Sunnah Waljamaah. Dalam menghuraikan mengenai Ahlu Sunnah Waljamaah, Abdul Shukor membahagikannya kepada tiga bahagian.

Bahagian pertama, Abdul Shukor menerangkan bahawa Ahli Sunnah Waljamaah terbahagi kepada lapan golongan, iaitu berdasarkan kemahiran dan kepakaran masing-masing dalam bidang ilmu. Bagi golongan yang mahir dalam bidang Akidah, mereka menguasai ilmu ketuhanan, kenabian, kewibawaan pemimpin, hari akhirat, dan mengithbatkan sifat-sifat Allah. Bahagian kedua, Ahlu Sunnah



Waljamaah juga merupakan kelompok yang berpegang dengan Manhaj Ahli Salaf dalam menangani isu-isu Akidah seperti apa yang berlaku sewaktu kegawatan Akidah Islam. Bahagian ketiga, kemunculan mereka disebabkan perbezaan pendapat dalam mentafsirkan usul Akidah seperti tokoh Abu Hasan Asy'ari dan Abu Mansur Maturidi (Abdul Shukor 2000: 15).

Dari sudut nusus, Abdul Shukor mentakrifkan Ahlu Sunnah sebagai pengikut atau pendokong Sunnah Rasulullah. Jamaah pula merujuk kepada Jamaah Rasul bersama Sahabat, Tabi'in, Tabi' Tabi'in dan orang Islam yang mengikuti pendekatan mereka (Abdul Shukor 2000: 16).

### **Definisi Ahli Salaf dalam Ahlu Sunnah Waljamaah**

Di dalam sejarah perkembangan Ahli Sunnah Waljamaah, terdapat dua generasi yang masyhur. Generasi ini terdiri daripada dua golongan, iaitu golongan Ahli Salaf dan Ahli Khalaf.

Abdul Shukor berpendapat bahawa kemunculan istilah Salaf dan Khalaf dalam dunia Ahlu Sunnah Waljamaah adalah disebabkan munculnya kegawatan dalam mentafsir dan memahami ayat-ayat mutasyabihat (Abdul Shukor 2013: 33-34). Dari sudut etimologi dan metodologi, Abdul Shukor berpendapat perkataan Ahli Salaf bermaksud generasi awal Islam. Generasi yang dimaksudkan di sini ialah golongan Sahabat Nabi s.a.w, Tabi'in dan Tabi'Tabi'in di mana mereka merupakan pewaris yang berusaha menjaga fahaman, pegangan dan penghayatan Islam yang benar lagi unggul (Abdul Shukor 2018; 2000: 30)

### **Ahli Salaf Manhaji**

Berdasarkan pemerhatian Abdul Shukor, terdapat dua kecenderungan para penulis Islam dalam mengutarakan pandangan mengenai siapa golongan Ahli Salaf. Kecenderungan pertama lebih menjurus kepada zaman dan waktu timbulnya Ahli Salaf manakala kecenderungan kedua merujuk kepada pandangan yang menjurus kepada pendekatan dan metod yang dibawa oleh masyarakat Islam (Abdul Shukor 1993: 104). Disebabkan kedua-dua kecenderungan pandangan tersebut mempunyai asas yang berbeza, maka maksud siapa Ahli Salaf juga adalah berbeza.

Ahli Salaf Manhaji merujuk kepada Ahli Salaf yang dikaitkan dengan pendekatan atau metod. Golongan ini terdiri daripada semua muslim yang beriman serta mengithbatkan keimanan tersebut hanya berpandukan pendekatan atau metod al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, dapat difahami bahawa golongan ini tidak hanya merujuk kepada para Sahabat dan Tabi'in sahaja (Abdul Shukor 1993: 104). Ahli Salaf

Manhaji mempunyai ruang skop yang lagi luas kerana tidak terikat dengan masa atau zaman tertentu. Oleh itu, kemunculan Ahli Salaf akan terus kekal sekiranya pegangan dan penghayatan umat Islam kepada metod tersebut masih diteruskan.

Suatu golongan Islam yang hidup sezaman dengan para Sahabat dan Tabi 'in tidak dikategorikan sebagai Ahli Salaf sekiranya mereka tidak berpegang dengan metod Ahli Sunnah Waljamaah dalam hal akidah. Antara individu yang dimaksudkan di sini ialah Ma'bad bin 'Abdullah al-Juhani, Abū Huzaifah Wasil bin 'Ata dan Jahm bin Safwan. Mereka tidak termasuk dalam kategori Ahli Salaf disebabkan pendekatan yang dibawa adalah tidak sama dengan pendekatan yang dipegang oleh para Sahabat, Tabi'in dan masyarakat Islam secara amnya ketika berlangsungnya awal zaman Islam (Abdul Shukor 1993: 104-105 2000: 30-31 2018).

Menurut Abdul Shukor, tokoh-tokoh Ahli Salaf Manhaji tidak berhenti pada golongan generasi pertama Islam sahaja, malah diteruskan pula dengan para tokoh selepas mereka yang turut memperjuangkan metod yang sama. Antara tokoh tersebut termasuklah Imam Malik bin Anas (179H), Imam Ahmad bin Hanbal (241H), Imam Ahmad bin Abdul Halim atau digelar sebagai Ibnu Taimiyah, dan Ibnu Qayyim Jawziyyah (751H). Pada abad ke-12, muncul pula tokoh seterusnya Muhammad bin Abdul Wahab (Abdul Shukor 2000: 32). Tambah Abdul Shukor, kesemua tokoh tersebut sememangnya berpegang kepada pendekatan al-Quran dan al-Sunnah kerana kedua-dua sumber ini tetap menjadi keutamaan mereka. Pandangan yang datang daripada sumber lain tidak akan terlepas daripada penyelarasan sumber tersebut dengan sumber al-Quran dan al-Sunnah terlebih dahulu (Abdul Shukor 2000: 32).

### **Ahli Salaf Zamani**

Ahli Salaf Zamani pula dirujuk kepada golongan Salaf yang dikaitkan dengan waktu dan zaman. Ahli Salaf Zamani termasuklah para Sahabat, Tabi'in dan golongan muslim yang hidup pada beberapa abad awal selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Disebabkan golongan Salaf Zamani muncul pada ruang masa tertentu, maka dapat disimpulkan bahawa mereka tidak lagi wujud dalam kalangan masyarakat Islam ketika tamatnya tempoh-tempoh suatu zaman (Abdul Shukor 2000: 104).

### **Manhaj Ahli Salaf**

Secara umumnya, Abdul Shukor berpendapat bahawa manhaj Ahli Salaf tidak berbeza dengan manhaj umum yang digunapakai oleh Ahlu Sunnah Waljamaah. Ahli Salaf merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber Akidah. Ahli Salaf selaku pelopor pendekatan

Ahli Sunnah Waljamaah sangat menekankan manhaj al-Quran dan al-Sunnah dalam usaha untuk mendalami dan mengithbatkan kebenaran akidah. Walaubagaimanapun, kebanyakan daripada ulama berpendapat bahawa golongan Sahabat dan Tabi'in tidak sekali-kali menafikan kedudukan dan ketinggian akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia. Mereka mengakui hakikat ini tetapi pendekatan al-Quran dan al-Sunah sudah cukup merangkumi pendekatan lain seperti akal dan perasaan. Selain itu, pernyataan al-Quran dan al-Sunnah bukanlah satu pernyataan yang tidak bersandarkan asas dan fakta yang kukuh. Apa yang telah dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah sememangnya mewakili pendekatan pendalilan yang mampu memberikan keyakinan yang sepenuhnya bagi mereka yang benar-benar jujur dan ikhlas (Abdul Shukor 2000: 107).

### **Manhaj Ahli Salaf dalam Permasalahan Ayat Mutasyabihat**

Menurut Abdul Shukor, ahli Salaf percaya bahawa tiada siapa yang berhak mentakwil dan mengetahui makna ayat mutasyabihat kecuali Allah SWT. Secara umumnya, pendekatan yang digunakan oleh Ahli Salaf dalam permasalahan ayat mutasyabihat terdiri daripada tiga perkara: 1. Beriman dengan kebenaran ayat mutasyabihat. 2. Mensucikan atau mentanzihkan Allah daripada sebarang pentasybihan dengan makhluk. 3. Menyerahkan hakikat sebenar maksud ayat mutasyabihat kepada Allah SWT dengan menolak takwil (Abdul Shukor 2000: 34-35).

Ahli Salaf mengatakan bahawa mereka tidak mentakwil ayat-ayat mutasyabihat mengikut akal mereka walaupun mereka mampu untuk melaksanakannya. Malah, mereka hanya akan beriman dengan kesemua ayat-ayat tersebut dan meyakini bahawa hanya Allah Yang Maha Mengetahui mengenainya. Mereka juga berpendapat bahawa perbuatan mentakwil hanya disandarkan kepada dzan aqli dan tidak boleh menjamin kebenarannya. (Abdul Shukor 1993: 107). Antara tokoh yang salaf seperti Ahmad bin Hanbal, Malik bin Anas dan Maqatil b. Sulaiman ada menyatakan bahawa mereka beriman dengan segala yang dibawa oleh al-Quran dan al-Sunnah. Mereka menolak perbuatan mentakwil dan mereka beriman bahawa Allah tidak menyamai sesuatu makhluk. (Abdul Shukor 2000: 34-35).

Permasalahan yang Timbul Sewaktu Zaman Salaf dan Tokoh-Tokoh yang Mempertahankan Sewaktu zaman Rasulullah s.a.w., tidak timbul pelbagai masalah yang mendalam berkaitan Akidah. Menurut Abdul Shukor, hal yang demikian adalah disebabkan beberapa factor; Faktor pertama, para sahabat sangat beriman dengan kesemua kesempurnaan Islam. Kedua, mereka beriman dan yakin dengan Nabi Muhammad s.a.w. Ketiga, Nabi tidak suka kepada sesiapa yang

membicarakan masalah akidah dengan lebih mendalam. Hal ini dapat dilihat sewaktu Rasulullah s.a.w lalu di hadapan sahabat di mana mereka semua sedang berbincang mengenai permasalahan qada` dan qadar. Lalu Rasulullah s.a.w mengatakan bahawa tindakan inilah yang menyebabkan masyarakat sewaktu itu terkeliru. Di sini dapat dilihat bahawa Rasulullah s.a.w seolaholah melarang seseorang membicarakan permasalahan dan isu akidah dengan begitu mendalam (Abdul Shukor 2018). Faktor keempat, para Sahabat dan Tabi'in juga sangat alim dan mahir dalam membezakan antara wahyu dengan akal. Permasalahan Akidah termasuk di dalam isu-isu ghaibiyat. Kebanyakan daripada para Sahabat sudah mengetahui bahawa perkara ghaibiyat ini bukan bidang akal. Hal yang demikian kerana mereka meyakini bahawa bidang akal adalah hal tabi'e, terhad dan terbatas. Oleh sebab itu, mereka percaya bahawa wahyu adalah sumber yang boleh memberikan pengetahuan secara mutlak mengenai kebenaran akidah (Abdul Shukor 2018).

Umat Islam mengetahui bahawa sumber akidah hanya terdiri daripada dua, iaitu al-Quran dan al-Sunnah sahaja sedangkan Feqah mempunyai empat sumber. Sumber Feqah yang empat ialah al-Quran, al-Sunnah, Ijmak ulama dan qias. Masalah Akidah merupakan satu isu yang telah kukuh dan mantap sewaktu zaman Rasulullah s.a.w. Allah telah berfirman (al-Quran 5: 3) yang maksudnya: Maksudnya: Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-redhai Islam itu jadi agama bagimu.

Berdasarkan ayat al-Quran ini, sesetengah ulama termasuk Ibn Abbas telah mentafsirkan maksud kesempurnaan bagi perkataan "akmaltu" dengan makna kesempurnaan akidah serta konsep-konsep usul utama dalam bidang-bidang yang lain (Abdul Shukor 2018).

Ketika zaman kehidupan generasi Sahabat dan Tabi'in, timbul beberapa permasalahan yang terkait dengan kehidupan masyarakat sewaktu itu, iaitu masalah hukum halal dan haram, persoalan masyarakat dan isu-isu yang melibatkan kemantapan kestabilan Islam menerusi dakwah. Selain itu, timbul juga persoalan berhubung dengan politik negara yang melibatkan munculnya golongan infisaliyah seperti Syi'ah, Khawarij dan lain-lain. Mereka muncul disebabkan perbezaan pandangan mengenai kepimpinan umat Islam. Bukan setakat itu sahaja, malah timbul juga beberapa gerakan lain yang tidak melibatkan politik seperti gerakan nabi palsu dan gerakan yang enggan membayar zakat atau dikenali sebagai mani' al-zakah. (Abdul Shukor 2000: 20-21)

Namun begitu, permasalahan-permasalahan yang timbul sewaktu itu masih lagi dapat diselesaikan dengan segera kerana majoriti daripada umat Islam masih berpegang teguh dengan Akidah, Syariah dan Akhlak yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Kekuatan umat Islam yang berpegang dengan ajaran Rasulullah s.a.w. diperkukuhkan dan disatukan agar dapat menghapuskan masalah-masalah yang muncul sewaktu itu (Abdul Shukor 2000: 21). Mereka yang terlibat dengan kekalahan politik dan peralihan kuasa tetap giat meneruskan perjuangan. Khawarij adalah salah satu gerakan yang ingin melemahkan pegangan akidah umat Islam, iaitu dengan mempengaruhi mereka menerusi unsur dalaman dan luaran. Kegawatan semakin bertambah apabila Khawarij menimbulkan isu-isu yang melibatkan akidah seperti hukum orang yang melakukan dosa besar dan perbuatan hamba. Tambahan pula, pemikiran falsafah dari luar seperti Greek dan Parsi menyerap masuk ke dalam pemikiran umat Islam (Abdul Shukor 2000: 21-22).

Muncul juga Ahli Salaf yang mempertahankan kesucian Akidah Islam yang tulen. Mereka melakukan usaha dalam pelbagai cara, iaitu menerusi penulisan, perbincangan dan perdebatan. Imam Abu Hanifah menulis kitab yang berjudul *al-fiqh al-akbar* dan risalah yang bertajuk *al-baith 'ala al-Istita'ah Ma'a al-fi'il*. Imam Syafi'e pula menulis risalah *Tashih al-Nubuwwah wa al-radd 'ala al-Barahimah dan risalah berjudul al-Radd 'ala ahl-ahwa`*. Tokoh Imam Malik juga berusaha gigih dalam tujuan mempetahankan Ahlu Sunnah Waljamaah. Imam Ahmad bin Hanbal menghasilkan kitab *Risalah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dan al-Radd ala Zanadiqah wa al-Jahamiyyah* (Abdul Shukor & Syamsul Bhari 1997: 3). Oleh itu, Imam Syafice, Imam Malik, Imam Hanafi dan Imam Ahmad bin Hanbal kesemua mereka walaupun terkenal dengan mazhab Feqh tetapi mereka juga adalah tokoh-tokoh yang mempertahankan akidah. Masing-masing ada menulis kitab-kitab yang membincangkan hal-hal akidah serta mempertahankannya (Abdul Shukor 2018).

### **Manhaj Ahli Khalaf**

Pemikiran Abdul Shukor dalam pengajian Ahli Sunnah Waljamaah juga menfokuskan perbandingan antara manhaj Salaf dan Khalaf dalam pendalilan Akidah.

Menurut Abdul Shukor, pendekatan yang digunakan oleh Ahli Khalaf mencakupi aspek wahyu dan logik akal. Antara pendekatan yang dimaksudkan ialah: 1. Pegangan kepada al-Quran dan al-Sunnah, iaitu kehendak nusus-nusus agama. 2. Penggunaan pendekatan akal dan logik.

Walaupun pendekatan akal dan logik digunakan dalam hal-hal Akidah, namun Abdul Shukor menegaskan bahawa pendekatan ini sekadar untuk menyokong pendalilan naqli serta memperkukuhkan lagi pernyataan nas. Oleh itu, keterlaluan dalam menggunakan akal sehingga mengatasi keutamaan dalil nas tidak pernah menjadi pegangan ahli Khalaf. Bagi ahli Khalaf, martabat serta kedudukan akal adalah untuk berkhidmat kepada nas, bukan mengatasi kedudukan nas (Abdul Shukor 2000: 35).

### **Manhaj Ahli Khalaf dalam Permasalahan Ayat Mutasyabihat**

Berkaitan persoalan ayat-ayat mutasyabihat, Abdul Shukor menjelaskan bahawa ahli Khalaf menggunakan pendekatan baru dalam tujuan untuk memperkenalkan kaedah yang senang difahami oleh akal fikiran manusia berdasarkan kesesuaian keadaan semasa masyarakat. Dalam masa yang sama, pendekatan ini diperkenalkan untuk menolak segala penyelewengan yang muncul dalam masyarakat Islam. Golongan Khalaf terpaksa mencari penyelesaian dalam menghadapi kegawatan pemikiran akidah (Abdul Shukor 2000: 34). Menurut Abdul Shukor, terdapat tiga pendekatan ahli Khalaf dalam membuat tafsiran terhadap ayat-ayat mutasyabihat. Pertama, beriman dengan kesemua ayat mutasyabihat. Kedua, mentanzihkan Allah daripada pentasybihan dengan makhluk. Ketiga, mentakwilan maksud ayat mutasyabihat dengan maksud yang sesuai dengan Allah serta mampu difahami akal manusia yang terbatas (Abdul Shukor 2000: 34-35).

Menurut Abdul Shukor juga, Ahli Khalaf berpandangan bahawa mereka yang mampu mentakwil ayat-ayat mutasyabihat merujuk kepada golongan yang benar-benar mendalami ilmu Agama yang berkaitan. Antara faktor yang menyebabkan ahli Khalaf menggunakan pendekatan tersebut adalah disebabkan oleh kecelaruan masyarakat dalam melakukan pentafsiran terhadap nas-nas Agama (Abdul Shukor 2000: 35).

### **Permasalahan yang Timbul pada Zaman Khalaf dan Tokoh yang Mempertahankan**

Sewaktu pemerintaha Abbasiyah yang diterajui oleh Khalifah al-Ma'mūn, Khalifah al-Mu'tasim, dan Khalifah al-Wathiq, Muktazilah berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat. Salah satu faktornya adalah disebabkan sokongan daripada khalifah yang memerintah sewaktu itu (Abdul Shukor 2018 2000: 24). Pada abad keempat, Abu Hasan al-Asy'ari sebagai salah satu tokoh Ahlu Sunnah Waljamaah muncul dalam mempertahankan pegangan mereka. Al-Asy'ari yang asalnya berfahaman Muktazilah kemudiannya berpegang kepada pegangan Ahlu Sunnah Waljamaah. Hal yang demikian kerana al-Asy'ari tidak bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh

gurunya, al-Jubbai mengenai hukum kedudukan seorang kanak-kanak di Akhirat kelak. Sewaktu Al-Jubbai berpendapat bahawa kanak-kanak tidak perlu dipanjangkan umur kerana mereka akan melakukan maksiat, al-Asy'ari tidak berpuas hati lalu beliau mengajukan soalan lain sehingga pada akhirnya jawapan yang diberikan oleh al-Jubbai sudah lagi tidak boleh diterima. Menurut al-Asy'ari, pegangan Muktaizilah mampu mengelirukan masyarakat (Abdul Shukor 2018).

Menerusi kitab *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, al-Asy'ari ada menerangkan bahawa beliau berpegang dengan al-Quran, Sunnah Nabi Muhammad s.a.w, apa yang dibawa oleh para Sahabat, Tabi'in dan Imam Hadith terutamanya Imam Ahmad bin Hanbal (Abdul Shukor 2018).

Namun begitu, al-Asy'ari tidak sesekali menolak penggunaan akal malah akal adalah tunjang kepada dalil naqli. Nas al-Quran dan al-Sunnah tidak mungkin dikemudiankan daripada penggunaan akal. Dalam kata lainnya, akal tidak pernah mengatasi al-Quran dan Hadith Rasulullah s.a.w dalam pendalilan akidah. Matūridi menggunakan metod yang sama dengan al-Asy'ari walaupun mereka hidup di kawasan yang berjauhan antara satu sama lain. Al-Maturidi muncul di Asia Tengah iaitu Samarkand, Bukhara (Abdul Shukor 2018).

Al-Asy'ari gigih membanteras fahaman yang bersalahan dengan pegangan Ahlu Sunnah Waljamaah. Al-Asy'ari mengutamakan kritikan terhadap Muktaizilah untuk mengelakkan berulangnya peristiwa yang berlaku sewaktu zaman Imam Ahmad bin Hanbal. Sewaktu pemikiran Muktaizilah tersebar ketika pemerintahan Khalifah al-Ma'mūn, al-Mu'tasim dan al-Wathiq, ramai dalam kalangan ulama yang terhimpit. Salah satunya Imam Ahmad yang mana beliau diseksa dalam usaha untuk mempertahankan akidah Ahlu Sunnah Waljamaah (Abdul Shukor 2000: 25). Mengikut pandangan Abdul Shukor, al-Asy'ari merupakan antara tokoh yang menggunakan pendekatan yang sederhana dalam bidang Akidah. Pendekatan sederhana yang digunakan adalah selari dengan kesederhanaan yang ditekankan oleh Syafi'e dalam hal-hal Feqah. Kesederhanaan ini telah menjadi daya tarikan yang cukup memberangsangkan daripada masyarakat Islam (Abdul Shukor 2000: 28).

Antara tokoh yang meneruskan legasi kesederhanaan Asy'ari dalam hal-hal berkaitan Akidah termasuklah Qadi Abu Bakar al-Baqillani (403H), Imam al-Ghazali(505H), al-Shahrastani (548H), Fakhruddin al-Razi (606H), al-Iji (755H), al-Taftazani (791H), al-Sanusi (895H), al-Laqani (1040H) dan Muhammad 'Abduh (1322H) (Abdul Shukor 2000: 27). Menurut Abdul Shukor lagi, antara punca permasalahan yang timbul kepada pegangan umat Islam adalah disebabkan oleh

faktor dari luar, iaitu ilmu asing dari luar dan kemasukan tokoh-tokoh tertentu ke dalam Islam dengan membawa pemikiran falsafah mereka. Al-Kindi dan al-Farabi merupakan dua tokoh yang terpengaruh dengan pemikiran falsafah dalam masalah ketuhanan (Abdul Shukor, 18). Antara usaha tokoh-tokoh Khalaf adalah untuk membersihkan akidah daripada pemikiran falsafah Yunani, Batiniah, Tasawuf Falsafi dan kebudayaan lama Parsi (Abdul Shukor 200: 35).

Abdul Shukor juga mendatangkan tokoh Khalaf yang masyhur di mana tokoh tersebut berusaha sedaya upaya mempertahankan Akidah seperti Imam al-Ghazali. Imam al-Ghazali merupakan tokoh besar menggunakan pendekatan khalaf dalam menghadapi cabaran yang menimpa umat Islam sewaktu itu. Untuk menyokong pernyataan ini, Abdul Shukor menjelaskan bahawa perkara utama yang dilakukan oleh Imam al-Ghazali adalah cuba untuk memahami cabaran tersebut dengan lebih terperinci. Kemudian, al-Ghazali menggunakan kemahiran beliau dalam bidang Falsafah dengan menolak serta mengkritik pegangan Falsafah ketuhanan Yunani yang disokong oleh ahli Falsafah Muslim seperti al-Farabi dan Ibnu Sina (Abdul Shukor 2018). Kemahiran al-Ghazali dalam menguasai ilmu Falsafah jelas terbukti menerusi dua karyanya yang masyhur, iaitu *Maqasid al-falasifah* dan *Tahafut al-falasifah*. (Abdul Shukor 2000: 36).

Selain itu, al-Ghazali antara individu yang berusaha menolak fahaman Batiniah berdasarkan karya-karyanya yang lain. Antara karya yang dimaksudkan ialah al-Munqidh Min al-Dalal dan Fadaih al-Batiniah. Menerusi kedua-dua karya ini, dapat dilihat bahawa segala hujah yang kukuh dikeluarkan oleh al-Ghazali dalam tujuan untuk mempertahankan akidah daripada sebarang penyelewengan (Abdul Shukor 2000: 36). Pendekatan khalaf masih digunakan oleh umat Islam sehingga ke hari ini manakala pendekatan Salaf pula tetap dihayati. Pendekatan Khalaf yang diperkenalkan al-Ghazali terus diterajui oleh ulama-ulama terkemudian seperti Syahrastani, Ahmad al-Iji, Taftazani dan Muhammad ‘Abduh (Abdul Shukor 2000: 37).

### **KENABIAN DAN KERASULAN**

Menurut Abdul Shukor, beriman kepada semua nabi adalah perkara “Darūri” dan merupakan rukun asas dalam Akidah Islam, iaitu rukun Iman. Hal yang demikian kerana terdapat banyak firman Allah di dalam al-Quran yang menyentuh mengenainya (Abdul Shukor 2003: 18). Contohnya firman Allah (al-Quran 2: 285) yang bermaksud “Rasul telah beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitabNya dan rasul-rasul-Nya”.



Abdul Shukor juga mendatangkan dalil Hadith mengenai kewajipan beriman kepada anbia`. Beriman kepada semua Rasul dan risalah yang disampaikan adalah wajib tanpa membezakan antara satu sama lain di antara mereka, iaitu bermulanya Nabi Adam a.s. sehingga Nabi Muhammad s.a.w. Abdul Shukor juga mendatangkan beberapa dalil al-Quran mengenai kewajipan beriman kepada seluruh Rasul tanpa membezakan mereka (Abdul Shukor 2003:18-19). Di dalam al-Quran, terkandung 25 nama Rasul, dan 18 orang daripada mereka disebut di dalam Surah Al-An'am ayat 83 sehingga ayat 86. Manakala selebihnya, iaitu 7 orang Rasul lagi disebutkan di dalam beberapa Surah yang lain. Nama-nama Rasul yang tidak disenaraikan di dalam Surah Al-Ancam ialah Adam, Idris, Hud, Saleh, Syucaib, Zulkifli dan Muhammad s.a.w (Abdul Shukor 2003: 22-23).

Abdul Shukor juga mengatakan perlu beriman kepada semua rasul berserta kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka dan setiap muslim perlu percaya bahawa risalah al-tauhid yang dibawa oleh semua Rasul adalah sama, iaitu Akidah Iman yang tidak akan berubah. Abdul Shukor menerangkan kenabian dan kerasulan dari sudut bahasa dan istilah. Perkataan "Nabi" berasal daripada wazan "fa'il". Wazan ini boleh membawa maksud fa'il, iaitu penyampai. wazan "fa'il" juga boleh membawa maksud maf'ul, iaitu yang dijadikan nabi oleh Allah.

Dari segi bahasa, perkataan rasul boleh dinisbahkan kepada malaikat, manusia dan jin tetapi dari istilah syara" hanya dikhususkan kepada manusia sahaja. Dari sudut istilah, Abdul Shukor membahagikan pandangan para mutakallimin mengenai hakikat kenabian dan kerasulan kepada dua pandangan. Pandangan mutakallimin yang pertama merujuk kepada mereka yang mengatakan hakikat nabi dan hakikat rasul adalah sama serta tiada perbezaan antara kedua-duanya. Pandangan mutakallimin yang kedua mengatakan nabi dan rasul adalah tidak sama. Bagi pandangan pertama, mereka terdiri daripada kelompok Muktazilah dan beberapa kelompok ahli kalam yang lain. Bagi pandangan kedua, kebanyakan ahli Kalam berpegang pada padanya, iaitu nabi dan rasul adalah tidak sama (Abdul Shukor 2003: 62-66).

Secara umumnya, Abdul Shukor mendefinisikan nabi dan rasul sebagai manusia yang dipilih oleh Allah yang diwahyukan syariat dan hukum-hakam ke atas mereka, dan mereka diutuskan kepada makhluk manusia untuk menuju kepada hidayah yang memberikan kebahagiaan di dunia dan Akhirat, serta menyeru mereka kepada agama dan akidah yang satu (Abdul Shukor 2003: 95). Tambah Abdul Shukor, beliau berpendapat bahawa nabi dan rasul tidak mempunyai perbezaan, iaitu berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan Hadith yang

telah banyak menyentuh persamaan antara kedua-duanya. Apa yang membezakan antara rasul dan nabi adalah keistimewaan dan ketinggian darjat. Hal yang demikian kerana para rasul mempunyai kelebihan dari sudut mujahadah dan amalan-amalan dakwah, dan menanggung kesusahan serta ujian. Tambah beliau, keistimewaan yang diperoleh oleh para rasul juga mungkin disebabkan perkara-perkara yang diberikan oleh Allah dari sudut kelebihan seperti mukjizat, pengkhususan dan kedudukan yang berbeza (Abdul Shukor 2003: 95).

Adapun para nabi tidak sampai ke tahap darjat sebagaimana yang diperoleh oleh rasul kerana tahap kesusahan yang ditanggung mereka tidak sampai ke tahap para rasul. Allah s.w.t tidak mengurniakan ke atas nabi sebagaimana kurniaan-Nya ke atas rasul. Pada asalnya, kesemua nabi dan rasul berada pada darjat yang satu, tetapi kemudiannya Allah menganugerahkan kelebihan dari sudut darjat ke atas sebahagian daripada mereka (Abdul Shukor 2003: 95).

Ringkasnya masih banyak lagi perbincangan yang diikemukakan oleh tokoh berhubung dengan persoalan dan isu akidah yang berlaku dalam konteks Malaysia seperti hal-hal semasa yang dikaitkan dengan Salafiyah-Wahabiyah. Maka ada dicadangkan bagaimana untuk mengatasi permasalahan fahaman Wahabi di Malaysia yang pada pandangan Abdul Shukor bukan sepenuhnya bertolak dari pokok Akidah tetapi lebih kepada syariah. Beliau ada menyebutkan kenapa perkara ini berlaku dan pertelingkahan antara kelompok Wahabi dengan Ahlu Sunnah Waljamaah. Menurut Abdul Shukor, permasalahan ini ialah masalah antara umat Islam itu sendiri dan tiada kaitannya dengan masyarakat bukan Islam. Masalah ini kita kenali sebagai masalah kecelaruan pemikiran umat Islam. Kebanyakan masalah yang timbul dalam kalangan umat Islam itu ialah masalah pemikiran mereka. Masalah pemikiran ini melibatkan hal-hal akidah, syariah dan sebagainya (Abdul Shukor 2018). Apa yang pasti, masalah masyarakat umat Islam di Malaysia hari ini lebih tertumpu kepada masalah kecelaruan pemikiran syariah jika dibandingkan dengan masalah pemikiran akidah. Hal yang demikian kerana puak-puak Syiah, golongan Wahabi dan sebagainya masih berpegang dan percaya kepada Tuhan Yang Esa serta mempertahankan pegangan tersebut. Namun begitu, terdapat sedikit keegoan dalam pemikiran puak-puak tersebut sehingga tidak ada rasa ingin mengalah antara satu sama lain (Abdul Shukor 2018).

Permasalahan pemikiran ini berlanjutan sehingga timbulnya perpecahan dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Sifat keegoan ini muncul kerana puak masing-masing ingin mempertahankan pendirian dan pemikiran mereka. Dalam masa yang sama, puak-puak ini

menyalahkan pandangan puak lain yang bertentangan dengan pandangan mereka. Di sini dapat dilihat bahawa masyarakat umat Islam di Malaysia tidak cuba untuk memahami pemikiran lain yang tidak persis dengan pandangan mereka (Abdul Shukor 2018).

Apa yang menyedihkan, perpecahan ini berlaku hanya disebabkan permasalahan kecil. Sebagai contohnya, perkara remeh-temeh seperti bacaan solat juga dijadikan isu yang diperbesarkan oleh sekelompok masyarakat. Bagi mereka, sesiapa yang melakukan sesuatu yang tidak diajar oleh Rasulullah s.a.w dianggap melakukan suatu bidaah iaitu mengadakan sesuatu yang baharu. Bidaah yang dimaksudkan mereka di sini ialah bid'ah dhalalah yang mana sesiapa yang melakukannya pasti dimasukkan ke neraka. Oleh itu, kelompok yang dianggap melakukan suatu bidaah dhalalah ini semestinya akan membidas semula pernyataan tersebut bagi mempertahankan amalan mereka. Selain itu, terdapat juga contoh lain yang mana permasalahannya kecil tetapi diperbesarkan sehingga menjadi isu yang serius seperti bacaan talqin. Maka, timbullah perpecahan umat Islam dengan sebab isu kecil (Abdul Shukor 2018). Kesimpulannya, Abdul Shukor mengatakan teori, amali dan penghayatan kesemuanya perlu diselaraskan dalam pembelajaran sesuatu ilmu. Kedua, perlu merujuk dan kembali kepada ajaran al-Quran dan bimbingan Muhammad s.a.w di dalam kehidupan seharian pelajar. Ketiga, keperluan menyelaraskan ilmu Akidah, ilmu Syariah dan ilmu Akhlak. Keempat, tenaga pengajar sendiri perlu menonjolkan akhlak yang baik. Kelima, tenaga pengajar juga perlu melihat pendekatan yang terbaru dalam tujuan mempraktikkan akidah para pelajar seperti penggunaan teknologi dan sains.

## **KESIMPULAN**

Rumusannya, Abdul Shukor menfokuskan pengajian Ahlu Sunnah Waljamaah. Beliau telah membahagikan kelompok Ahlu Sunnah Waljamaah kepada golongan Salaf dan Khalaf. Kedua-dua golongan ini mempunyai sedikit perbezaan dari sudut manhaj di mana golongan Khalaf menggunakan kaedah ta`wil dalam berhadapan dengan ayat mutasyabihat sedangkan Ahli Salaf menolak kaedah tersebut. Jadi, bagi menjelaskan beberapa permasalahan yang timbul sehingga pendekatan ta`wil digunakan oleh tokoh-tokoh tertentu. Beliau juga membicarakan mengenai kenabian dan kerasulan di mana beliau menyentuh pelbagai perkara seperti hukum, definisi dan banyak lagi. Menurut beliau, hukum beriman kepada Rasul adalah wajib kerana ianya termasuk rukun Iman. Mengenai permasalahan Wahabi di Malaysia, Abdul Shukor sangat menekankan perpaduan dan kesefahaman. Seterusnya, beliau sangat menitikberatkan peranan tenaga pengajar dalam menuai penghayatan ilmu dalam diri pelajar yang menceburi bidang Akidah.

**Rujukan**

- Abdul Shukor Husin. 1993. Ahli Salaf Menurut Perspektif Ulama' Kalam. Dlm. Mohammed Yusof Husin (pnyt.). *Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Shukor Husin. 2000. *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Shukor Husin. 2003. *An-Nubuwwah bain Al-Mutakallimin Wa Al-Falasifah*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohammad Haji Allias, Zulkiple Abd Ghani, Syahirah Abdul Shukor, Sapora Sipon & Hariza Mohd Yusof. 2012. *Dari Sungai Pahang ke Sungai Nil Menongkah Arus Meneraju Menara Gading Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Usim.
- Abdul Shukor Husin. 2018. Temubual Khas dengan Tokoh Abdul Shukor Husin, Nilai. Temu bual 19 Mac.